

Cari dadah, curi barang kemas?

11 Mei 2022

Cari dadah, curi barang kemas?

Suri rumah dakwa rugi RM8,000 serta hilang wang tabung anak selepas rumah digeledah polis

Oleh Izad Thaqif Hassan
am@hmetro.com.m

Alor Setar

Seorang wanita membuat laporan selepas mendakwa sekumpulan lima anggota polis yang menyerbu rumahnya di sebuah daerah dekat sini, mencuri barang kemas dan wang dalam tabung milik anaknya.

Laporan polis berkenaan dibuat petang kelmarin oleh suri rumah berusia 36 tahun terbabit kerana dia mengesyaki pasukan serbuan dari Bahagian Siasatan Jenayah

Narkotik (BSJN) sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) itu mencuri rantai dan gelang emas bernilai lebih RM8,000.

Selain dua barang kemas terbabit yang disimpan dalam almari bilik menjahit, wanita itu turut mendakwa wang kertas dalam tabung milik anaknya yang dianggarkan bernilai RM700 turut lesap dan hanya tinggal syiling.

Menurut sumber, pasukan polis yang diketuai seorang pegawai pada mulanya menyerbu rumah teres dua tingkat dihuni wanita berkenaan bersama suami dan

dua anak mereka jam 1.20 pagi Sabtu lalu.

"Ketika serbuan, pasangan terbabit tidur di bilik tingkat atas dan wanita berkenaan membuka pintu sebelum membawa polis yang mahu melakukan pemeriksaan terhadap suaminya.

"Hasil pemeriksaan itu, polis menemui syabu yang dianggarkan seberat hampir empat gram dalam kotak rokok milik

suami wanita terbabit sebelum lelaki itu digari di ruang tamu," katanya.

nya.

Sumber berkata, anggota polis mengeledah rumah yang mempunyai tiga bilik di tingkat atas rumah itu dengan masing-masing dijadikan bilik tidur, bilik menjahit dan bilik komputer.

"Ketika itu, wanita berkenaan menyusukan anak di bilik utama dan selepas mengeledah polis tidak menemui

dadah atau sebarang bahan bukti lain.

"Anggota polis

membawa suami wanita terbabit ke IPD untuk tindakan bagi membantu siasatan kerana memiliki dadah," katanya.

Menurutnya, pada jam 5 pagi hari sama, wanita berkenaan yang masuk ke bilik menjahit yang digeledah polis terkejut apabila mendapati barang kemas disimpan dalam kotak hilang, manakala tabung besi milik anaknya dipecah.

"Wanita terbabit yang tidak berpuas hati pergi ke IPD untuk bertanya mengenai barang kemas dan wang hilang itu namun kecewa apabila tiada sesiapa di

bilik BSJN itu.

"Bagaimanapun, dia berjaya menghubungi seorang pegawai polis keesokannya sebelum dinasihatkan supaya membuat laporan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kedah Komisioner Wan Hassan Wan Ahmad mengesahkan menerima laporan itu dan memberitahu siasatan mengenainya masih dijalankan.

"Jika benar seperti didakwa kami sedia mengambil tindakan tegas terhadap pegawai dan anggota yang melakukan perbuatan terbabit," katanya.

Suami surirumah itu ditahan kerana memiliki syabu dalam kotak rokok